

08 MAY 2003

I

"SAYA MASIH MENGAJAI DRAF PAKEJ RANGSANGAN," KATA DR MAHATHIR

BINTULU, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau masih mengkaji draf pakej rangsangan dan akan mengumumkannya tidak lama lagi.

"Saya telah diberi taklimat mengenai ini dan saya masih mengkajinya. Saya akan membuat pengumuman tidak lama lagi," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Kompleks Gas Asli Cecair (LNG) Petronas bernilai RM16.6 bilion di sini hari ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, tidak menyatakan bila pengumuman itu akan dibuat.

Ketika ditanya sama ada akan dikaji semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), perdana menteri berkata, Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan perang Iraq mempunyai impak kepada ekonomi domestik.

Unjuran rasmi KDNK 2003 ialah 4.5 peratus.

"Adalah mustahil untuk mengatakan SARS tiada impak atas kita. Seperti yang anda tahu, industri pelancongan ialah sumber pendapatan asing ketiga terbesar. Kini kadar penginapan hotel kita menurun sangat jauh walaupun ia tidak seburuk di negara lain," katanya.

"Dengan itu ia akan memberi kesan kepada kita dan kita terpaksa menerimanya," katanya. -- BERNAMA

FLL NT MKO SHY AHM